

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH MELAKA

DALAM NEGERI MELAKA

KES MAL NO: 04100-042-0507 TAHUN 2009

ANTARA

XXXXXX ... PEMOHON

(NO K/P: 37XXXX-04-XXXX)

DENGAN

XXXXXX ... RESPONDEN 1

(NO. K/P: 74XXXX-04-XXXX)

XXXXXX ... RESPONDEN 2

(NO. K/P:61XXXX-04-XXXX)

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Melaka

(Y.A.A Datuk Mahammad Ibrahim) Ketua Hakim Syarie .

No Kes Mal 04100-042-0507-2009 (Permohonan Faraq Nikah)

(16 Zulhijjah 1431 H bersamaan 22 November 2010)

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Undang-Undang Keterangan Seksyen 72, Seksyen 73 dan Seksyen 76 – Beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes Mal, Beban Pembuktian, Beban untuk membuktikan fakta yang perlu dibuktikan untuk menjadikan keterangan boleh diterima.

A) FAKTA KES

1. Di dalam kes ini ,Pemohon adalah bapa kepada Responden 1. Manakala Responden 2 dikatakan sebagai suami kepada Responden 1. Pemohon adalah merupakan wali mujbir kepada Responden 1, telah memohon kepada Mahkamah ini untuk mendapatkan satu perintah bagi mengisytiharkan bahawa pernikahan yang telah dijalankan di antara Responden 1 dan 2 adalah tidak sah di sisi hukum syarak. Ekoran daripada itu, Pemohon memohon supaya pernikahan mereka di farakhkan.
2. Pemohon di dalam Afidavit yang diikrarkan pada 28.10.2009 (kemudian daripada ini disebut sebagai “ **Afidavit tersebut**”) telah menyatakan bahawa maklumat yang diperolehi menunjukkan Responden 1 dan Responden 2 telah menjalankan pernikahan di Kuala Lumpur atau Selangor dan telah memperolehi dokumen nikah daripada Kedah. Pemohon seterusnya menyatakan di dalam Afidavit tersebut bahawa Responden 1 dan Responden 2 telah bernikah lebih setahun yang lalu.

3. Walaubagaimanapun, Responden 2 di dalam Afidavit Jawapan yang diikrarkan pada 2.2.2010 (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “ **Afidavit Responden 2**”) menafikan wujudnya pernikahan di antara Responden 2 dan 1. Responden 2 juga menyatakan bahawa beliau hanya berpengetahuan mengenai pernikahan itu (yang mana kesahihan pernikahan itu dinafikan) selepas Responden 2 menerima sesalinan permohonan memfarakkan pernikahan tersebut daripada peguam Pemohon sendiri.
4. Pemohon telah memfailkan Afidavit Jawapan Kepada Afidavit Responden 2 yang diikrarkan pada 17.3.2010. (kemudian dari ini disebut sebagai “**Afidavit Jawapan Pemohon**”) dan menyatakan bahawa dalam bulan Ogos 2008, sebelum Hari raya Aidilfitri tahun tersebut , Responden 1 dan Responden 2 bersama dengan XXXXXX telah pergi ke rumah bapa saudara Responden 1 iaitu XXXXXX di No. 7670 Jalan Orkid Klebang Besar Melaka. Semasa pertemuan tersebut, Responden 2 telah mengaku bahawa beliau dan Responden 1 telah bernikah di Gombak, Selangor. Walau bagaimanapun apabila XXXXXX meminta sijil nikah tersebut, Responden 2 menyatakan bahawa Tuan Imam yang mengendalikan pernikahan tersebut terbabit dalam kemalangan jalan raya dan dokumen nikah tidak dapat diperolehi.
5. Pemohon seterusnya menyatakan di dalam Afidavit Jawapan Pemohon bahawa pada sekitar awal tahun 2009, Responden 1 dan Responden 2 telah hadir ke rumah kakak kandung Responden 1 iaitu XXXXXX di Taman Bertam Jaya, Melaka dan kedua-dua Responden telah menyatakan mereka telah bernikah di Gombak, Selangor dan apabila XXXXXX meminta dokumen nikah, kedua-dua

mereka memaklumkan bahawa Tuan Imam telah terbabit dalam kemalangan jalan raya dan dokumen nikah tidak dapat diperolehi daripada Imam tersebut.

B) DIPUTUSKAN

Oleh kerana Pemohon gagal membuktikan kewujudan pernikahan serta gagal membuktikan kewujudan sijil nikah serta tidak mendatangkan saksi-saksi nikah, maka, Mahkamah menolak permohonan Pemohon untuk mengisytiharkan pernikahan mereka tidak sah serta untuk memfarakkan pernikahan Responden 1 dan 2.

C) PEGUAM SYARIE

Pemohon : Tetuan Adli & Co.

Responden I :Tiada

Responden II: Tetuan Jamilah & Co.

D) KITAB-KITAB YANG DIRUJUK

1. Kitab القواعد الفقهية Karangan Abdul Aziz Muhammad Azzam, muka surat 101
2. Qawaid Fiqhiyyah Karangan Dato' Hj Mohd Saleh bin Hj Ahmad di halaman 590 – 591

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

3. Kitab “ المذهب “ Karangan Imam As-Syirazi , jilid 5 Halaman 543 Cetakan Al Kalam Damsyik.

E) UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

- 1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 Seksyen 72, Seksyen 73 dan Seksyen 76

F) ALASAN PENGHAKIMAN YAA DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM

1. Di dalam kes ini Pemohon telah membuat permohonan untuk mengisytiharkan bahawa perkahwinan yang telah dijalankan oleh Responden 1 dan Responden 2 adalah tidak sah. Ini adalah kerana pernikahan tersebut dilakukan tanpa mendapat keizinan dari wali mujbir atau bapa Responden 1 sendiri. Seterusnya Pemohon memohon supaya perkahwinan tersebut difarakkan.
2. Manakala Responden 1 dan anak perempuan kepada Pemohon telah tidak menghadiri sepanjang perbicaraan di Mahkamah. Walaupun Mahkamah telah mengeluarkan waran tangkap tetapi Responden 1 bukan sahaja tidak hadir tetapi telah menghilangkan diri entah ke mana walaupun berbagai usaha telah dilakukan. Responden 2 telah hadir sepanjang perbicaraan dengan mewakili kepada peguam untuk mewakilinya di dalam perbicaraan tersebut. Responden II telah menafikan sekeras-kerasnya dan menegaskan bahawa

perkahwinan tersebut adalah tidak wujud dan tidak ada pertemuan dan pengakuan pernikahan tersebut.

3. Di dalam kes ini Pemohon dan Responden 2 serta beberapa saksi telah memberi keterangan serta hujahan bertulis di hadapan mahkamah ini. Di dalam keterangan Pemohon, mahkamah dapat simpulkan seperti berikut:-

- i) Pemohon mendakwa dalam bulan Ogos 2008, sebelum hari raya Aidilfitri tahun tersebut, Responden 1 dan Responden 2 telah bersama-sama dengan XXXXXX (Biras Pemohon) telah pergi ke rumah bapa saudara Responden 1 iaitu XXXXXX (abang kandung Pemohon) di No. 7670, jalan Orkid, Klebang Besar, Melaka pada pukul 5 petang.
- ii) Dalam pertemuan tersebut yang disaksikan oleh XXXXXX (SP2) dan XXXXXX (SP1), Responden 2 didakwa telah bercakap dan mengaku beliau dan Responden 1 telah bernikah di Gombak, Selangor. Apabila diminta dokumen atau sijil nikah tersebut oleh XXXXXX, Responden 2 menyatakan bahawa Tuan Imam yang mengendalikan pernikahan tersebut terbabit dalam kemalangan jalan raya dan dokumen nikah tidak dapat diperolehi.
- iii) Pada sekitar tahun 2009, Responden 1 dan Responden 2 telah hadir ke rumah kakak kandung Responden 1 iaitu XXXXXX di rumah beliau di Taman Bertam Jaya, Melaka. Mereka telah menyatakan di hadapan XXXXXX bahawa mereka telah bernikah di Gombak, Selangor. Apabila diminta dokumen @ Sijil nikah tersebut oleh XXXXXX tetapi mereka memaklumkan

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

bahawa Tuan Imam telah terlibat dalam kemalangan jalan raya dan dokumen nikah tidak dapat diperolehi daripada Tuan Imam.

- iv) Keterangan SP1 dan SP2 amat jelas dan konsisten bahawa Responden 2 memang mengaku telah bernikah dengan Responden 1 namun tiada apa-apa dokumen nikah yang dapat dikemukakan.
- v) Semasa perbicaraan kes ini, Pemohon, dua orang saksi Pemohon iaitu XXXXXX dan XXXXXX dan Responden Kedua telah memberi keterangan secara lisan di Mahkamah Yang Mulia ini tetapi Responden 1 tidak pernah menghadirkan diri ke Mahkamah sepanjang tempoh perbicaraan kes ini.
- vi) Pemohon semasa memberi keterangan di mahkamah telah menyatakan bahawa beliau mendapat maklumat mengenai pernikahan di antara Responden 1 dan Responden 2 melalui anak perempuannya bernama XXXXXX. Apabila disoal balas oleh peguam Responden 2 mengapa Pemohon mengambil masa yang lama untuk memfailkan permohonan ini, Pemohon hanya menyatakan setelah mendapat maklumat mengenai pernikahan tersebut secara lengkap barulah beliau akan memfailkan kes tersebut. Pemohon seterusnya menyatakan bahawa Responden 1 tidak pulang ke rumah sejak 23.3.2010 dan Pemohon tidak membuat apa-apa laporan polis mengenai kehilangan Responden 1.

- vii) Saksi Pertama Pemohon iaitu XXXXXX (SP1) semasa pemeriksaan utama menyatakan bahawa Responden 1 telah berjumpa dengan beliau dan memperkenalkan Responden 2 sebagai suaminya. SP1 kemudiannya telah mencadangkan supaya Responden 1 memberitahu bapanya mengenai pernikahan tersebut dan SP1 seterusnya membawa Responden 1 dan 2 berjumpa dengan XXXXXX iaitu saksi kedua (SP2) Pemohon di rumah SP2 yang terletak di Jalan Orkid, Klebang, Melaka. Selepas perjumpaan di rumah SP2, SP1 tidak tahu apa yang berlaku selanjutnya.
- viii) Semasa pemeriksaan balas, SP1 menyatakan bahawa beliau telah berjumpa dengan Responden 1 di rumah abang Responden 1 di flat Sungai Besi dan SP1 telah pergi ke sana dengan kakak Responden 1 bernama XXXXXX bersama-sama dengan anak SP1.
- ix) SP1 selanjutnya menyatakan bahawa beliau meminta supaya Responden 1 dan Responden II menerangkan kepada SP2 tujuan mereka datang ke rumah SP2. Semasa pertemuan di rumah SP2, Responden 2 menyatakan bahawa beliau telah bernikah dengan Responden 1 di Gombak.
- x) SP2 semasa pemeriksaan utama menyatakan bahawa Responden 1 dan Responden 2 telah datang ke rumah beliau bersama-sama dengan XXXXXX dan isterinya. Semasa perjumpaan tersebut, Responden 2 telah memberitahu bahawa beliau telah bernikah dengan Responden 1 di Gombak dan apabila diminta surat nikah, Responden 2 menyatakan bahawa orang yang

menikahkan itu ditimpa kemalangan. SP2 seterusnya menyatakan bahawa beliau mendapat maklumat mengenai pernikahan itu melalui apa yang disampaikan oleh Responden 1 dan Responden 2.

- xi) Keterangan kedua-dua saksi Pemohon itu walau bagaimanapun dinafikan oleh Responden 2. Semasa pemeriksaan utama Responden 2 menyatakan bahawa beliau tidak pernah berjumpa dengan Pemohon sebelum ini dan tidak mengenali Responden 1. Responden 2 juga menyatakan bahawa beliau hanya menerima permohonan memfarakkan pernikahan tersebut melalui peguam Pemohon. Responden 2 terkejut semasa menerima permohonan tersebut kerana pernikahan itu tidak pernah berlaku.
- xii) Semasa disoal balas oleh peguam pemohon, Responden 2 menafikan beliau mengenali Responden 2, Pemohon, SP1 dan SP2. Beliau juga menafikan telah pergi ke rumah XXXXXX dan menafi membuat pengakuan bahawa beliau dan Responden 1 telah bernikah di Gombak, Selangor. Responden 2 juga menafikan beliau telah pergi ke rumah kakak kandung Responden 1 bernama XXXXXX.

- 4. Diatas semua keterangan yang diberikan, timbul beberapa isu-isu yang menjadi pertikaian diantara Pemohon dan Responden 2. Kedua-dua pihak mempunyai alasan-alasan kenapa dan mengapa mereka berbuat demikian. Setelah Mahkamah meneliti Afidavit Pemohon, Afidavit Jawapan Responden 2 dan

Afidavit Tambahan Pemohon serta semua keterangan dan hujjahan yang diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat, maka Mahkamah dapati timbul beberapa isu-isu pertikaian yang perlu diberi keutamaan dan perhatian serta dianalisa satu persatu bagi menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan dan diputuskan.

5. Isunya ialah:-

- i) Samada Pemohon telah berjaya membuktikan bahawa wujudnya pernikahan yang sah di antara Responden 1 dan Responden Ke 2.
- ii) Samada Pemohon telah berjaya membuktikan wujudnya Sijil Nikah Responden 1 dan Responden Ke 2.
- iii) Samada Pemohon telah berjaya membuktikan bahawa pernikahan tersebut telah memenuhi kehendak rukun-rukun dan syarat sah nikah seperti mana yang dikehendaki oleh hukum syarak.

Isu-isu yang dipertikaikan:

1. Di dalam isu yang telah dibangkitkan ia menunjukkan bahawa Pemohon hendaklah membuktikan terlebih dahulu bahawa pernikahan atau perkahwinan tersebut telah benar-benar wujud sebelum Mahkamah mengeluarkan perintah mengisytiharkan perkahwinan mereka tidak sah dan membuat perintah mufarakah di antara pasangan tersebut.

2. Di dalam kes ini, langkah pertama yang wajib dilakukan oleh Pemohon ialah membuktikan kewujudan perkahwinan tersebut. Pemohon hendaklah membuktikan dimanakah perkahwinan itu dilakukan atau dilangsungkan, bila masa, tarikh pernikahan mereka. Adakah pernikahan mereka diadakan dengan menggunakan wali atau wakil wali atau wali Hakim. Siapakah saksi-saksi nikah atau saksi-saksi yang menyaksikan perkahwinan tersebut. Siapakah Imam atau juru nikah tersebut. Adakah saksi-saksi yang menyaksi itu mendengar lafaz Ijab dan Kabul. Adakah dipastikan bahawa calon-calon bakal isteri dan suami adalah Responden 1 dan Responden Ke 2. Adakah wali yang digunakan oleh mereka mendapatkan kebenaran bernikah daripada wali yang sebenarnya. Seterusnya pembuktian samada wujud atau tidak Sijil Nikah sepertimana yang didakwa. Ini adalah selaras dengan pandangan Imam As-Syirazi di dalam kitabnya Al-Muhazzab المذهب jilid 5 Halaman 543 Cetakan Al Kalam Damsyik . Menurut beliau,

وإن كان المدعي نكاحاً: فقد قال الشافعي رحمه الله تعالى : لا يسمع حتي يقول : نكحتها بولي وشاهدين
ورضاها

Jika sekiranya ia mendakwa bahawa dia sudah berkahwin, maka kata Imam As-Syafie tidak boleh terima dakwaan tersebut sehingga ia mengatakan:

“ Aku telah berkahwin dengan fulanah binti fulan dengan berwalikan bapanya atau sebagainya dan membawa dua orang saksi nikah serta perkahwinan tersebut mendapat kerelaan perempuan tersebut.”

3. Semua perkara yang dinyatakan hendaklah dibuktikan satu persatu kepada Mahkamah. Mahkamah juga hendak mengetahui dan mengenalpasti bahawa perkara-perkara yang dinyatakan tersebut hendaklah menepati dengan kehendak rukun nikah dan syarat sah nikah sepertimana yang dikehendaki oleh hukum syarak.
4. Rukun Nikah tersebut adalah seperti berikut: calon lelaki, calon perempuan, wali, dua orang saksi yang adil dan sighah (ijab dan qabul) hendaklah dibuktikan kepada Mahkamah.
5. Perkahwinan yang sah adalah perkahwinan yang memenuhi segala rukun dan syarat sah nikah. Sekiranya sesuatu pernikahan itu tidak sah atau tidak memenuhi segala rukun dan syarat sah nikah, maka perkahwinan tersebut adalah terbatal. Justeru itu, perkahwinan tersebut terbubar dengan sendirinya.
6. Persoalan disini timbul siapakah yang akan menanggung beban pembuktian untuk membuktikan wujudnya pernikahan tersebut. Di sini Mahkamah merujuk kepada Seksyen 72, 73 dan 76 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

7. Mengikut **Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002** yang memperuntukkan:-

“Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda’ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-mudda’a alaih)”.

Mengikut **Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002** yang memperuntukkan bahawa:-

- 1) *“Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.*
- 2) *Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.”*

8. Mahkamah juga merujuk kepada **Seksyen 76 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002** yang memperuntukkan bahawa:-

“Beban membuktikan apa-apa fakta yang perlu dibuktikan untuk membolehkan mana-mana orang memberikan keterangan mengenai apa-apa fakta yang lain, terletak pada orang yang berhasrat memberikan keterangan itu”.

9. Dalam undang-undang tersebut telah jelas bahawa beban pembuktian tersebut hendaklah mengandungi keyakinan bagi menunjukkan bahawa sesuatu Fakta yang dikatakan itu betul, benar dan wujud. Mengikut Hukum Syarak bahawa pembuktian yang boleh disabitkan adalah pembuktian yang boleh sampai ke tahap yakin. Sekiranya pembuktian tersebut berada di tahap zan, syak, wahan maka pembuktian tersebut tidak cukup untuk disabitkan didalam kes.
10. Beban pembuktian adalah terletak di bahu Pemohon. Dalam kes ini Pemohon dipertanggungjawab untuk membuktikan ke tahap yakin bahawa perkahwinan diantara Responden 1 dan Responden 2 adalah benar-benar wujud dan yakin wujud. Untuk membuktikan ke tahap yakin perkahwinan tersebut wujud maka Pemohon hendaklah memberikan bukti dan keterangan kepada Mahkamah sampai ke tahap yakin bahawa pernikahan tersebut wujud. Mengikut keterangan Pemohon bahawa dalam bulan Ogos 2008, Responden 1 dan Responden 2 telah pergi bersama-sama XXXXXX (biras Pemohon) ke rumah bapa saudara Responden 1 iaitu XXXXXX (abang kandung Pemohon) di Klebang Besar Melaka. Semasa pertemuan tersebut Responden 2 telah bercakap dan mengaku bahawa Responden 2 dan Responden 1 telah bernikah di Gombak, Selangor. Akan tetapi pengakuan tersebut tidak dibuktikan dengan Sijil Nikah. Seolah-olah ada pengakuan sahaja. Pada sekitar awal tahun 2009 Responden 1 dan

Responden 2 telah datang ke rumah kakak kandung Responden 1 iaitu XXXXXX di Taman Bertam Jaya, Melaka. Mereka telah mengulangi perkataan yang sama bahawa mereka telah bernikah di Gombak, Selangor. Tetapi dalam masa yang sama juga mereka tidak dapat menunjukkan bukti Sijil Nikah yang membuktikan mereka berkahwin. Mereka memberi alasan bahawa Sijil Nikah tidak dapat dikeluarkan kerana Tuan Imam yang menjadi juru nikah telah mengalami kemalangan jalan raya.

11. Daripada kenyataan dan keterangan yang diberikan menunjukkan bahawa Pemohon hanya mendengar pengakuan sahaja daripada Responden 1 dan Responden 2 bahawa mereka telah bernikah di Gombak, Selangor. Pengakuan tersebut telah dibuat di dua lokasi yang berlainan di hadapan SP 1 dan SP 2 dan kakak kandung Responden 1. Pengakuan tersebut boleh digambarkan seolah-olah mereka sudah berkahwin akan tetapi mereka tidak dapat membawa dan membuktikan kewujudan Sijil Nikah mereka.

12. Timbul persoalan di sini adakah dengan keterangan pengakuan Responden 2 dan SP1 serta SP2 itu sudah memadai bagi pihak Pemohon untuk membuktikan bahawa mereka sudah berkahwin, sedangkan mereka tidak dapat menunjukkan bukti Sijil Nikah tersebut. Mahkamah juga mendapati bahawa pembuktian pengakuan telah dibuat di luar Mahkamah. Ini bermakna status pembuktian itu tidak boleh diterima. Jika sekiranya pengakuan tersebut dibuat di hadapan Hakim berkemungkinan besar ianya boleh diterima memandangkan ada dua orang saksi yang mendengar pengakuan tersebut.

13. Dalam kes ini Mahkamah juga mendapati keterangan Pemohon adalah bercanggah dengan Responden 2. Pemohon mengatakan dan mendakwa telah wujud perkahwinan mereka dengan pengakuan yang dibuat oleh 2 orang saksi Pemohon iaitu SP1 dan SP2. Sedangkan ketika itu, beliau tidak mengemukakan dua orang saksi nikah atau jurunikah untuk membuktikan pernikahan mereka wujud. Pada masa yang sama, semasa keterangan Responden 2, beliau telah menafikan wujudnya pernikahan tersebut dengan mencabar Pemohon supaya mengemukakan bukti untuk menyokong dakwaan Pemohon.

14. Apabila timbul percanggahan keterangan tersebut prinsip apakah yang hendak dipakai oleh Mahkamah.

15. Di dalam persoalan ini Mahkamah akan cuba menggunakan pendekatan hadis seperti berikut :-

اللبينة علي المدعي واليمين علي من انكر

Iaitu keterangan bagi Plaintiff dan bersumpah bagi Responden.

16. Hadis ini adalah selaras dengan **Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002.**

“Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda’ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-mudda’a alaih)”.

17. Untuk meralisasikan Hadis dan Enakmen ini, Pemohon telah memberi keterangan dengan membawa dua orang saksi yang mengaku mendengar pengakuan Responden 1 dan Responden 2 telah bernikah. Namun begitu Responden 2 menyangkal dan menafikan pernah bertemu dan menafikan perkahwinan tersebut. Pemohon juga telah gagal mengemukakan Sijil Nikah tersebut.

18. Oleh itu Mahkamah ini berpendapat bahawa dalam kes ini, Pemohon adalah orang yang wajib memberikan keterangan dan menanggung beban pembuktian, manakala Responden 2 diberi tanggungjawab untuk bersumpah menafikannya. Sebelum Mahkamah membenarkan sumpah nafi oleh Responden 2, Mahkamah perlu mengkaji adakah sumpah nafi tersebut benar-benar perlu dibuat memandangkan tiada wujudnya pembuktian oleh Pemohon bahawa mereka sudah berkahwin dan tiada wujud sijil nikah. Maka kenapa dan mengapa Mahkamah perlu mengarahkan Responden 2 untuk bersumpah menafikannya.

19. Mahkamah berpendapat bahawa sumpah menafikan boleh dibuat sekiranya memenuhi dua elemen pembuktian seperti berikut:

Pertama: Wujudnya pernikahan tersebut.

Kedua: Wujudnya Sijil Nikah tersebut.

Sekiranya wujud kedua-dua elemen tersebut maka bolehlah Responden 2 dibenarkan bersumpah menafikan.

20. Sekiranya tidak wujud fakta di atas, kenapa perlu mereka bersumpah nafi. Sumpah mestilah berdasarkan fakta yang wujud dan terbukti wujud. Tidak ada sumpah nafi, sekiranya tidak wujud fakta. Kalau dilakukan juga maka ia menjadi sia-sia. Ini menggambarkan seolah-olah sumpah tersebut tidak mengandungi apa-apa. Oleh itu Mahkamah berpendapat bahawa prinsip *اللبينة على المدعي واليمين* tidak terpakai bagi kes ini kerana dakwaan itu tidak memenuhi kehendak syarat-syarat mengikut hukum syarak. Dalam kes ini oleh kerana Pemohon tidak dapat membuktikan wujud pernikahan dan Sijil Nikah maka Mahkamah berpendapat ianya tidak perlu Responden II bersumpah. Dalam kes ini juga Mahkamah menganggapkan bahawa pengakuan tanpa bukti adalah sama dengan dakwaan tanpa bukti. Pengakuan dan dakwaan tanpa bukti juga tidak boleh diterima.

21. Di dalam kes ini Mahkamah dapati bahawa Pemohon telah tidak dapat membuktikan dan mengemukakan apa-apa bukti yang boleh menyokong tentang fakta yang didakwa oleh Pemohon bahawa Responden 1 dan Responden 2 telah bernikah. Begitu juga Mahkamah dapati Pemohon telah tidak juga mengemukakan dokumen pembuktian Sijil Nikah, saksi-saksi nikah, tarikh pernikahan, wali pernikahan dan lafaz ijab qabul serta tidak mengenal pasti siapakah yang bernikah. Oleh itu Mahkamah menganggapkan bahawa Pemohon bukan sahaja tidak dapat membuktikan kewujudan butir-butir dokumen

pernikahan tersebut malah gagal membawa semua bukti-bukti yang dikehendaki oleh Mahkamah.

22. Oleh itu Mahkamah menganggap bahawa perkahwinan mereka di antara Responden 1 dan Responden 2 seolah-olah tidak wujud. Dalam menangani isu ini, Mahkamah cuba merujuk kepada kitab *القواعد الفقهية* oleh Abdul Aziz Muhammad Azzam, muka surat 101 yang mentakrifkan kaedah:

الأصل بقاء ما كان علي ما كان

معني هذه القاعدة أن الأصل يبقى علي ما كان عليه حتي يقوم الدليل علي خلافه لأن ما ثبت علي حال الزمان الماضي ثبوتا أو نفيا يبقى علي حاله ولا يتغير ما لم يوجد دليل يغيره

Maksudnya, perkara yang asal kekal ke atasnya sehingga wujud bukti lain yang membuktikan sebaliknya kerana sabit perkara tersebut pada masa lampau samaada sabit atau nafi. Perkara tersebut kekal perihalnya dan tidak akan berubah kerana tiada dalil yang menunjukkan sebaliknya.

23. Di dalam kes ini, dengan merujuk kepada kaedah di atas adalah jelas bahawa asal hubungan antara Responden 1 dan Responden 2 adalah “بقا عدم النكاح”, bermaksud pada asalnya tidak wujud pernikahan. Oleh itu, jika tiada bukti yang ditunjukkan bagi membuktikan bahawa Responden 1 dan 2 telah

bernikah, maka ianya bermakna tidak wujudlah pernikahan tersebut antara Responden 1 dan Responden 2.

24. Mahkamah juga merujuk kepada kaedah fiqhiyyah iaitu:-

الأصل العدم في الأمور العارضة العدم

25. Kaedah tersebut memberi maksud Asal itu adalah tidak ada, atau asal kepada perkara yang baru muncul atau yang mendatang itu tidak ada.

26. Mengikut Dato' Hj Mohd Saleh bin Hj Ahmad dalam bukunya **Qawaid Fiqhiyyah** di halaman **590 – 591** telah menghuraikan kaedah tersebut seperti berikut:-

“Umumnya diketahui bahawa al-adamu (tiada) itu adalah lebih dahulu daripada al-wujud (ada), maka setiap sesuatu yang didakwa muncul dan wujud bererti ia didahului oleh al-adamu. Maka, al-adamu yang mendahului ke atas al-wujud yang didakwa itu telah sabit dengan yakin sementara benda yang didakwa wujud sebelum dibuktikan adalah masyuq fihi (diragui) sedangkan keyakinan sesuatu perkara tidak boleh dihilangkan dengan zan lawannya sahaja.

Oleh yang demikian, maka al-adam itulah yang diyakini kerana ia sesuatu keadaan yang tabii dan perubahan kepada wujud itu sesuatu perkara baru yang diragukan lagipun al-adamu itulah yang

asal, maka mesti dikekalkan hingga terbukti sabit sesuatu yang menghilangkannya”.

27. Berdasarkan kepada kaedah fiqhiyyah tersebut maka dapatlah kita memahami bahawa sesuatu perkara itu pada asalnya tidak ada kecuali dibuktikan bahawa perkara tersebut telah wujud.

28. Apabila dibandingkan dengan kes ini dihadapan saya ianya memberi gambaran bahawa sesuatu perkahwinan itu pada asalnya tidak wujud kecuali dibuktikan bahawa pernikahan tersebut wujud.

29. Dalam kes ini telah terbukti bahawa Pemohon telah gagal membuktikan kewujudan pernikahan dan Sijil Nikah dalam perkahwinan tersebut. Maka Mahkamah menganggapkan bahawa pernikahan dan perkahwinan tersebut tiada wujud. Apabila tidak wujud sesuatu pernikahan tersebut maka tiada wujudlah perkahwinan tersebut . Apabila tidak wujud pernikahan mereka, bermakna pernikahan tersebut tidak memenuhi kehendak rukun-rukun dan syarat sah nikah sepertimana yang dikehendaki oleh hukum syarak.

30. Setelah Mahkamah meneliti affidavit-afidavit dan setelah mendengar semua keterangan hujahan Pemohon dan Responden 2 maka dengan ini Mahkamah berpuashati bahawa Pemohon dalam kes ini telah gagal membuktikan kes ini ke tahap yakin serta dengan tidak membuktikan kedua-dua elemen kewujudan pernikahan dan Sijil Nikah, maka Mahkamah menganggapkan pernikahan tersebut tidak wujud. Apabila tidak wujud bukti pernikahan dan perkahwinan

tersebut, maka Mahkamah menolak tuntutan Pemohon untuk mengisytiharkan perkahwinan itu tidak sah dan Mahkamah menolak tuntutan untuk memfarakkan perkahwinan Responden 1 dan Responden Ke 2.